

19 APR 2001

Duta-Afrika

DUTA NEGARA-NEGARA AFRIKA PUJI KOMITMEN MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 19 April (Bernama) - Komitmen Malaysia terhadap negara-negara Afrika akan memalukan negara-negara yang pernah menjarah benua tersebut pada masa lalu, kata ketua duta-duta Afrika ke Malaysia C.Chipaziwa hari ini.

Katanya harapan negara-negara Afrika adalah supaya Malaysia akan terus mempertingkatkan usaha yang telah dijalankan seperti pelaburan.

"Anda telah membuktikan anda benar-benar ingin berniaga apabila menjalin hubungan dengan Afrika, syarikat Malaysia telah melabur di merata benua Afrika," katanya semasa berucap pada dialog Intelek dan Pemimpin Muda Afrika di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Dialog itu dianjurkan bersama oleh Persatuan Pelajar Afrika di Malaysia dan Pemuda Umno.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad turut berucap pada majlis yang dihadiri kira-kira 1,000 pelajar, kebanyakannya dari Afrika yang sedang menuntut di sini.

Chipaziwa berkata selain pelaburan, Malaysia turut terlibat dengan usaha pasukan pengaman dan diplomasi konstruktif di benua 53 buah negara itu.

Katanya kerjasama yang ditawarkan Malaysia menerusi konsep perkongsian pintar dan strategi saling menguntungkan amat bermakna bagi negara-negara Afrika.

"Malaysia telah membuktikan kesediaannya untuk memberi kerjasama penuh kepada Afrika," katanya.

Berbanding dengan kuasa-kuasa Barat yang pernah menjajah dan menjarah benua kaya itu, Malaysia kini adalah antara pelabur utama di Afrika.

-- BERNAMA

RV RV MOZ